

14 NOV 2002

Mohamed-Wong/I

JAMES WONG DIMINTA AKUR SNAP TAK LAGI WUJUD

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Datuk Amar James Wong Kim Min, bekas presiden Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) yang telah dibatalkan pendaftarannya, diminta menerima hakikat dan memikul tanggungjawab terhadap apa yang berlaku kepada parti itu.

Setiausaha Agung Barisan Nasional, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata Wong perlu akur bahawa Snap sudah tidak wujud dan ia bukan lagi komponen BN.

Bagaimanapun, katanya, Wong berhak membuat rayuan terhadap keputusan Pendaftar Pertubuhan membatalkan pendaftaran Snap kerana kegagalan parti itu menyelesaikan satu krisis kepimpinan.

"Umno pernah dibatalkan pendaftarannya. Umno dengan 2.7 juta anggota pada masa itu dan Presiden Umno pula adalah Perdana Menteri Malaysia, dapat menerima hakikat bahawa parti itu telah dibatalkan pendaftarannya," kata Mohamed kepada pemberita di ibu pejabat BN di sini selepas menerima salinan permohonan Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) untuk menjadi komponen BN Sarawak.

Salinan itu diserahkan oleh presiden penaja SPDP Datuk William Mawan Ikom yang diiringi oleh tujuh anggota jawatankuasa sementara termasuk setiausaha agung Dr Judson Sakai Tagal, bendahari agung Datuk Seri Tiong King Sing dan naib presiden Dr Tiki Lafe.

Mohamed juga berkata ahli-ahli komponen patut mencontohi teladan Perdana Menteri serta pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengundurkan diri walaupun kepimpinan beliau masih diperlukan.

"Walaupun Umno dan BN masih perlu kepimpinannya, (dan) orang luar pun fikir begitu, tetapi Dr Mahathir lebih mengutamakan keutuhan kerajaan serta parti dan beliau tidak memikirkan tentang diri sendiri,

"Beliau secara sukarela tidak mahu bertanding lagi, dan beliau mengatur penyerahan kuasa kepada penggantinya selepas ini," kata Mohamed.

Mohamed berkata dalam politik kehendak rakyat adalah lebih penting dan bukannya kepimpinan tokoh tertentu sahaja.

"Kalau sudah sampai peringkat tidak diperlukan lagi, seharusnya pemimpin itu cari kebijaksanaan serah kuasa kepada penggantinya atau berhenti sebelum diberhentikan," katanya.

Mengenai permohonan SPDP menyertai BN, Mohamed berkata keputusan sama ada menerima atau menolak permohonan itu adalah di tangan BN Sarawak.

"Bagaimanapun, saya akan memaklumkan kepada Pengerusi BN mengenai permohonan ini, dan yang kedua, kita akan menunggu reaksi BN Sarawak mengenai permohonan itu memandangkan ia diasaskan di Sarawak," katanya.

Beliau berkata apa jua keputusan BN Sarawak mengenai permohonan SPDP itu akan dijadikan panduan oleh BN pusat.

"Dari segi BN pusat, kita tidak mempunyai masalah untuk menerima mereka," katanya.

Mohamed turut menasihatkan semua komponen BN supaya menjadikan apa yang berlaku kepada Umno dan Snap sebagai panduan untuk memastikan parti mereka sentiasa berada pada landasan yang betul.

-- BERNAMA

AT AHH MAI